



اَوْنُوْرُ سِيْتِيْ تِيْكَوْلُوْرِيْ مَارَا

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN HAJI SUHAIMI BIN TUAN HAJI EMBONG
KEJAYAAN MENGUSAHAKAN PERNIAGAAN DESA MURNI BATIK**

OLEH:

ROSLINA BINTI ABU BAKAR

2011475532

ROKIAH BINTI IBRAHIM

2011693802

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN HAJI SUHAIMI BIN TUAN HAJI EMBONG
KEJAYAAN MENGUSAHAKAN PERNIAGAAN DESA MURNI BATIK**

**OLEH:
ROSLINA BINTI ABU BAKAR
2011475532
ROKIAH BINTI IBRAHIM
2011**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi syukur kami panjatkan ke hadrat Ilahi kerana izin dan kurniaNya, kami berjaya menyempurnakan tugas Sejarah Lisan ini dengan sebaiknya. Setelah menempuhi berbagai halangan dan cabaran sebelum, semasa dan selepas sesi temubual bersama tokoh, berkat pertolongan Ilahi, segalanya dapat diatasi dengan berjaya. Tidak ketinggalan segala kekangan masa untuk menyiapkan tugas ini juga mengajar kami untuk menjadi lebih bersabar dan peka terhadap setiap tugas yang diberikan.

Jutaan terima kasih kami hulurkan kepada mereka yang telah membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Terima kasih teristimewa buat pembimbing bagi subjek IMR 604 – Documentation of Oral History (Pendokumentasian Sejarah Lisan), Puan Nor Kamariah binti Chik yang telah memberikan kami segala tunjuk ajar dalam menyempurnakan tugas ini. Terima kasih teristimewa buat pensyarah kami kerana telah bersabar dalam menyampaikan ilmu dan mendorong kami bagi melaksanakan tugas ini.

Buat tokoh yang amat kami kagumi dan sanjungi, Tuan Haji Suhaimi bin Embong ribuan terima kasih kami ucapkan kerana sudi meluangkan masa untuk bersama kami berkongsi segala pengalaman. Tanpa kesudian Encik Suhaimi, tugas kami tidak mungkin dapat disiapkan mengikut keperluan dan spesifikasi yang telah ditetapkan.

Juga, terima kasih tak terhingga buat semua sahabat, keluarga serta mereka yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung yang turut sama-sama menghulurkan bantuan dan tunjuk ajar kepada kami untuk menyiapkan tugas ini.

Isi Kandungan

Perkara	Muka Surat
Penghargaan	i
Isi kandungan	ii
Abstrak	iii
Biodata Tokoh	v
Pengenalan	viii
Transkrip	
BAHAGIAN A : Latar Belakang Tokoh	1-10
BAHAGIAN B : Aspek Kerjaya	11-14
BAHAGIAN C : Pengurusan Perniagaan	15-56
Senarai Soalan	57-62
Log Temubual	64-70
Indeks	71-72
Rujukan	73-74
Lampiran	75-78

Abstrak

Abstrak: Tujuan utama pendokumentasian lisan ini dilakukan adalah untuk menjilidkan secara langsung mengenai tokoh yang berjaya dan berjasa di Malaysia. Dalam melaksanakan tugas ini, sebuah temubual telah diadakan bagi mengenali dengan lebih mendalam salah seorang pegusaha batik yang terkenal di Malaysia, Tuan Haji Suhaimi bin Embong yang merupakan pemilik Desa Murni Batik. Berdasarkan temubual yang telah dijalankan, penggunaan teknologi baru serta gabungan kepakaran daripada mereka yang bertauliah amat diperlukan dalam mencipta sesuatu yang berbeza dan menarik bagi menjayakan sesuatu pekerjaan.

Kata kunci: Encik Suhaimi, Desa Murni, corak, batik,

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Suhaimi Bin Embong

Tarikh Lahir : 16 April 1969

Alamat : Lot 1089 Kampung Pulau Rusa
Jalan Kelantan
20050 Kuala Terengganu.

Asal : Kampung Pulau Rusa, Kuala Terengganu.

Bangsa : Melayu

Kerjaya : Ahli Perniagaan

Status : Berkahwin
Seorang Isteri Dan Lima Orang Anak (2 Lelaki/3Perempuan)

Keluarga : Anak Pertama Daripada Empat Orang Adik Beradik.

Pendidikan : Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Karier sebagai seorang pembatik telah bermula sejak berumur lapan belas tahun. Segala ilmu yang telah dipelajari dan diturunkan oleh bapa beliau menjadikan beliau bertekad untuk memajukan perniagaan Desa Murni Batik. Kerana tekad dan usaha beliau, Desa Murni Batik kini telah menjadi salah sebuah syarikat pengeluar batik yang terkemuka di Malaysia serta, antara pengeluar batik digital terbesar di Asia Tenggara.

Tanggungjawab sebagai anak sulung dalam keluarga menjadikan beliau lebih bertekad untuk membantu keluarga serta meneruskan legasi pembuatan batik yang telah diwarisi oleh moyang beliau.

Beliau juga merupakan pewaris tunggal yang telah berjaya menjayakan legasi pembuatan batik. Hal ini demikian kerana, sepanjang empat generasi, hanya Encik Suhaimi sahaja yang meneruskan pembuatan batik dalam salasilah keluarga beliau.

Kegigihan dan kebijaksanaan beliau dalam menggabungkan teknologi baru dalam perusahaan, telah menjadikan beliau seorang pengusaha batik yang terkemuka dan telah melangkaui pasaran antarabangsa.

PENGENALAN

PENGENALAN

Temubual bagi pendokumentasian lisan ini telah dijalankan pada 10 Oktober 2013 di bilik mesyuarat Kilang Desa Murni Batik. Temubual selama lima puluh lima minit ini diadakan bagi mengenali dan mendalami cara hidup serta kejayaan yang telah diperolehi oleh Encik Suhaimi bin Embong dalam menempa nama bagi kejayaan Desa Murni Batik.

Memulakan perusahaan dengan memproses batik secara tradisional iaitu batik blok (terap) dan kemudiannya batik lukis tangan pada tahun 1990. Untuk menampung permintaan terhadap batik yang semakin meningkat naik, Pada sekitar tahun 1995 pula, batik yang diproses secara cetakan tangan turut diperkenalkan. Selaras dengan peredaran zaman serta kecanggihan teknologi masa kini, Desa Murni tampil dengan idea baru apabila lahirnya seni batik yang digabungkan dengan teknologi moden dikenali sebagai batik sutera digital pada tahun 2005 yang sebelum ini banyak dimonopoli oleh pengusaha dari Itali dan Jepun. Desa Murni telah memulakan operasi secara besar-besaran dengan terbinanya kilang yang berteknologi baru. Operasi yang dijalankan adalah seperti melukis, mencetak dan mewarna bagi pemprosesan sarong, sutera dan lain-lain.

Pembuatan batik-batik tersebut berasaskan cetakan iaitu dengan menggunakan sistem yang berteknologi tinggi daripada Itali. Ia juga lebih mudah dan menjimatkan masa memproses akan tetapi masih mengekalkan konsep batik itu sendiri. Ternyata batik sutera digital kini mampu bersaing dipasaran dan berjaya mendapat tempat dikalangan pengguna yang sentiasa inginkan kelainan.

Gabungan idea-idea baru daripada setiap pereka yang mempunyai kelulusan dalam bidang yang berkaitan menjadikan kualiti setiap corak dan pengeluaran daripada syarikat ini berada pada tahap yang tinggi.

Antara produk yang terkini yang dihasilkan oleh Desa Murni Batik adalah seperti, Sutera Eksklusif, Iman Eksklusif, D' Lukis, Damia Batik Eksklusif, Mysarah Italian Design, Yasmine Italian Design.

TRANSKRIP PENDOKUMENTASIAN LISAN

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

Roslina : **Assalamualaikum.**

Encik Suhaimi : **Walaikumussalam.**

Roslina : **Pada jam *sembilan empat puluh* [9.40] pagi, *sepuluh haribulan sepuluh dua ribu tiga belas* [10 Oktober 2013], bertempat di bilik mesyuarat Syarikat Desa Murni Batik Sdn. Bhd. Saya Roslina Binti Abu Bakar dan sahabat saya Rokiah Binti Ibrahim, pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Sistem Maklumat dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan. Kami akan mewawancara salah seorang usahawan yang berjaya iaitu pemilik syarikat pengeluar batik bumiputera yang terkemuka di Malaysia, Desa Murni Batik Tuan Haji Suhaimi Bin Embong. Wawancara ini dijalankan untuk memenuhi keperluan tugas bagi subjek pendokumentasian sejarah lisan. Sebelum memulakan bicara kita pada hari ini, kami amat berbesar hati dan berterima kasih kepada Encik Suhaimi kerana sudi bersama kami menceritakan pengalaman Encik Suhaimi kepada kami. Boleh kita mulakan Encik Suhaimi?**

Encik Suhaimi : Bismillahirrahmanirrahim. Saya bermula, saya mendapat pendidikan awal dari darjah *satu* [1] hingga darjah *enam* [6] di Sekolah Kebangsaan Pulau Rusa [salah sebuah sekolah rendah di daerah Kuala Terengganu] dan dari *start* [bermula] daripada tingkatan *satu* [1] sehingga tingkatan *lima* [5] di Sekolah Menengah Sultan Sulaiman [salah sebuah sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu] dan saya merupakan anak sulung daripada *lima* [5] beradik. Saya mula berniaga, ketika berumur *lapan belas* [18] tahun, habis sahaja *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] tanggungjawab saya terhadap ibu bapa saya dan Desa Murni saya rasa sangat tinggi walaupun saya mendapat beberapa tawaran untuk menyambung pelajaran, saya menolak kerana tanggungjawab sebagai anak sulung. Saya ambil alih Desa Murni batik semasa berumur *lapan belas* [18] tahun saya *start* [bermula] dengan gaji *sepuluh ringgit* [RM10] sahaja. *Sepuluh ringgit* [RM10] sahaja dan masa *tu* [itu], orang kerja ada lebih kurang *dua* [2] orang. Orang kerja *dua* [2] orang dan sekarang Desa Murni mempunyai pekerja melebihi daripada *tiga ratus* [300] orang. Saya dilahirkan di Kampung Pulau Rusa [salah sebuah kampung di daerah Kuala Terengganu]. Dilahirkan disini, dirumah depan *tu* [itu] dan dibesarkan di persekitaran *ni* [disini], mandi sungai tepi kilang semua_ _ _ _ _ . Dan saya ingat ayah saya bermula dengan modal *empat ribu* [4000] dan masa pembukaan Desa Murni masa

kecil *tu* [itu] saya ingat lagi saya berumur *enam* [6] tahun *dan saya pergi tebas juga pokok rok* [dan saya juga turut serta menebas semak]. *Masa tu, tu semua rok kat sini kan, semak* [pada waktu itu, kawasan ini dipenuhi semak]. *Pergi tebang* [menebas semak] untuk buka Desa Murni dan Alhamdulillah pada hari ini Desa Murni telah capai satu tahap yang besar rasa saya yang merupakan kilang batik digital antara yang terbesar di Asia Tenggara pada hari ini. Itu dikeluarkan oleh Huntsman, *company* [syarikat] Switzerland. Bukan saya yang kata *statement* [kenyataan]. *Company* [syarikat] Switzerland keluar *statement* [kenyataan], kalau awak nak tengok *statement* [kenyataan] ada di bawah yang mengatakan Desa Murni antara kilang batik digital antara yang terbesar di Asia Tenggara.

Roslina : ***Okay*** [baiklah]. Berbalik kepada soalan latar belakang tadi, sebelum *tu* [itu], biasanya kan, kalau *staff* [pekerja] ataupun *customer* [pelanggan], panggilan yang biasa *dia orang* [mereka] guna untuk panggil Encik Suhaimi---

Encik Suhaimi : Dia panggil abang mi sahaja.

Roslina : ***Abang mi je*** [sahaja]---

Encik Suhaimi : Abang mi sahaja.

Roslina : Oh. Sudah seperti adik-beradik. Okay [baiklah]. Boleh Encik Suhaimi nyatakan nama penuh ibu dan bapa Encik Suhaimi?

Encik Suhaimi : Ibu saya bernama Mariam binti Yusof dan ayah saya bernama Embong bin Su. Mereka juga adalah orang Kampung Pulau Rusa [salah sebuah kampung di daerah Kuala Terengganu]. Dan mereka kahwin kepada sepupu saya ingat. Anak, pak sepupu--- pak sepupu.

Roslina : Pak sepupu dengan anak sepupu?

Encik Suhaimi : *Ha* [iya]. Lebih kurang. (Gangguan bunyi kertas dialih). Keduanya berasal dari Kampung Pulau Rusa.

Roslina : Tadi Encik Suhaimi ada kata Encik Suhaimi anak sulung, daripada berapa orang adik-beradik?

Encik Suhaimi : Daripada *lima* [5] adik-beradik.

Roslina : Lima je [5 sahaja]. Yang adik-beradik yang lain sekarang ni---

Encik Suhaimi : Adik-beradik nombor *dua* [2] saya rasa *lawyer* [peguam] daripada

UIA [Universiti Islam Antarabangsa], nombor *tiga* [3] ambil *mechanical engineer* [jurutera mekanikal] daripada politeknik, nombor *empat* [4] daripada *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] juga ambil *accountant* [kerani kewangan], yang ke *empat* [4], yang ke *lima* [5] meninggal. Yang ke *lima* [5] meninggal la.

Roslina : **Sakit?**

Encik Suhaimi : *Accident* [kemalangan].

Rokiah : **Boleh Encik Suhaimi nyatakan nama penuh mereka?**

Encik Suhaimi : Adik saya yang nombor *dua* [2] *tu* [itu] bernama Saiful Bahari Bin Embong, Mohd Fadhil Bin Embong, Nur Aini Binti Embong. Ha, *tiga* [3] orang.

Rokiah : **Perempuan?**

Encik Suhaimi : Perempuan

Roslina : **Jadi, Encik Suhaimi hanya mempunyai seorang adik perempuan?**

Encik Suhaimi : Seorang perempuan

Rokiah : *Empat* [4] lelaki, seorang perempuan?

Encik Suhaimi : *Tiga* [3] lelaki, seorang perempuan sekarang. Ada *empat* [4] adik-beradik la pasal *satu* [1] meninggal. Ada *empat* [4]. *Tiga* sekarang [tiga] [3] adik-beradik lelaki].

Rokiah : **Maafkan saya. Adakah mereka sudah berumah tangga?**

Encik Suhaimi : Sudah.

Rokiah dan : **Kesemuanya?**

Roslina

Encik Suhaimi : Kesemuanya.

Rokiah : **Dan semuanya menetap di---**

Encik Suhaimi : *Satu* [1], *tak* [tidak]. *Satu* [1] menetap di---. *Dua* [2]---. Saya dan adik saya menetap di Kampung Pulau Rusa, dan *satu* [1] lagi Mohd Fadhil menetap di Kuala Lumpur dan *satu* [1] lagi Nur Aini menetap di Dungun [salah sebuah daerah di Terengganu].

Roslina : **Terengganu juga la.**

Encik Suhaimi : *Ha* [iya].

Roslina : **Boleh Encik Suhaimi nyatakan nama---. Ni [ini] berbalik kepada peribadi sikit, Encik Suhaimi nyatakan nama isteri Encik Suhaimi?**

Encik Suhaimi : Isteri saya Fatimah Fathiah Binti Ismail.

Roslina : **Sejak bila, berkahwin?**

Encik Suhaimi : Kahwin *tujuh belas* [17] tahun lepas.

Roslina : **Alhamdulillah. Kekal lagi. Encik Suhaimi ada berapa orang anak ya?**

Encik Suhaimi : Saya ada *lima* [5] anak. Yang sulung, yang sulung sekolah tingkatan *empat* [4] di Sekolah Menengah Agama Sheikh Malek [salah sebuah sekolah menengah agama di Kuala Terengganu], yang nombor *dua* [2] UPSR [Ujian Penilaian Sekolah Rendah], *baru sudah* [baharu selesai] UPSR [Ujian Penilaian Sekolah Rendah]. Nombor *tiga* [3] darjah *lima* [5], nombor *empat* [4] darjah *empat* [4], nombor *lima* [5] baru *lima* [5] tahun.

Roslina : ***Kecik* [kecil] lagi. Kalau *tak* [tidak] keberatan, boleh Encik**

Suhaimi kongsiikan kepada kami, nama mereka?

Encik Suhaimi : Nama dia, yang pertama Ahmad Akram_

Roslina : Ahmad?

Encik Suhaimi : Ahmad Akram. A.K.R.A.M Anuar Bin Suhaimi, yang kedua Iman Maisarah Binti Suhaimi, Damia Yasmin Binti Suhaimi, Qurratul Ain Binti Suhaimi, Ahmad Naufal Baihaqi Bin Suhaimi.

Rokiah : Sedap nama mereka

Encik Suhaimi : *Ha* [iya]?

Roslina : Nama mereka sangat sedap didengar_ _ _.

Rokiah : Adakah Encik Suhaimi yang memilih nama mereka?

Encik Suhaimi : *Tak* [tidak], isteri saya yang memilih

Rokiah dan : Kesemuanya?

Roslina

Encik Suhaimi : Kesemuanya.

- Roslina** : **Wah. Pandai dia memilih nama-nama *tu* [itu].**
- Rokiah** : **Encik Suhaimi, kalau Encik Suhaimi tidak keberatan, boleh saya tahu macam mana Encik Suhaimi berjumpa dengan isteri Encik Suhaimi sekarang**
- Encik Suhaimi** : **Saya berjumpa dengan isteri saya melalui orang tua. Dan saya tidak pernah bercinta sebelum kahwin.**
- Roslina** : **(ketawa). Penyatuan ibu bapa la *ni* [ini]?**
- Encik Suhaimi** : ***Tak* [tidak]. *Pak sedara masa tu la* [melalui bapa saudara].**
- Rokiah** : **Isteri Encik Suhaimi, Puan Fatimah berasal dari mana?**
- Encik Suhaimi** : **Daripada Padang Midin. *Ha* [iya], Padang Midin.**
- Rokiah** : **Padang Midin, Terengganu**
- Encik Suhaimi** : **Terengganu.**
- Roslina** : **Kalau macam *tu* [itu] boleh kita---. Sekarang *ni* [ini] teruskan kepada sejarah pendidikan Encik Suhaimi. Macam Encik Suhaimi kata tadi, Encik Suhaimi bersekolah rendah di Sekolah Rendah Pulau Rusa, bersekolah menengah di Sekolah**

Menengah Sultan Sulaiman, maknanya selepas---

Encik Suhaimi : *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]. Saya terus mengambil alih---

Roslina : Memang *tak de* [tidak ada] ambil---

Encik Suhaimi : *Tak de* [tidak ada].

Roslina : Apa-apa pendidikan vokasional ke?

Encik Suhaimi : *Tak de* [tidak ada].

TRANSKRIP PENDOKUMENTASIAN LISAN

BAHAGIAN B: ASPEK KERJAYA

- Roslina** : Kalau macam *tu* [itu] kita teruskan kepada aspek kerjaya Encik Suhaimi sekarang. *Okay* [baiklah], seperti yang kita tahu kan, batik *ni* [ini] merupakan salah satu---
- Rokiah** : Warisan dunia
- Roslina** : Iya, warisan negara kita, negara Malaysia. Bukan setakat orang melayu *je* [sahaja] tahu, memang---, seperti kita dekat sekitar kita Pantai Timur memang pakai batik kan, *okay* [baiklah], sebagai seorang pengusaha batik yang berjaya, boleh Encik Suhaimi ceritakan *tak* [tidak] pengalaman Encik Suhaimi masa mula-mula lagi bergiat dalam pembuatan batik *ni* [ini] sampai sekarang?
- Encik Suhaimi : Saya bermula, (bunyi membelek kertas) rasa saya---. Bermulanya batik, saya rasa buat batik terap. Batik blok, lepas *tu* [itu] pergi kepada batik lukis, terus pergi kepada *hand printing* [cetakan tangan] dan akhir sekali digital.
- Roslina** : Digital. Tapi kalau macam batik-batik yang sebelum *ni* [ini] kan, macam yang batik terap, batik *lukis tu kan* [batik lukis], *still*

[masih] masih ada lagi ke tak?

Encik Suhaimi : *Tak de* [tidak ada]

Roslina : Memang *completely* [sepenuhnya] *tak de* [tidak ada]?

Encik Suhaimi : *Tak de* [tidak ada]. Tapi kalau lukis pun, awak lukis dengan lilin. Kalau awak tengok *design* [corak] yang ada sekarang, adalah, lukis dengan *drawing* [lukisan], sama *je* [sahaja]. Cuma *tak* [tidak] guna dengan lilin, guna pen. Pen keluar--- komputer adalah hasil sama. Inovasi sahaja.

Roslina : Tapi kos dia lagi tinggi la kan?

Encik Suhaimi : Kos lebih kurang *je* [sahaja] rasanya *pasal* [kerana] kita ada lebih *dua puluh enam* [26] orang *designer* [pereka] yang ada diploma dan *degree* [ijazah].

Rokiah : *Dua puluh enam* [26] orang *designer* [pereka] yang berasal dari--

-

Encik Suhaimi : Daripada *UiTM* [Universiti Teknologi MARA], *UniMAS* [Universiti Malaysia Sarawak], *USM* [Universiti Sains Malaysia], *KUSTEM* [Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia – kini dikenali

sebagai *UMT* [Universiti Malaysia Terengganu]], saya campur la mana-mana. *Politeknik ke* [mungkin politeknik].

Roslina : **Maknanya yang buat *printing* [cetakan] semua *tu* [itu] daripada mereka yang berkelulusan la?**

Encik Suhaimi : *Printing tak* [cetakan tidak]. *Printing* [cetakan] pasal kita ajar *saja* [sahaja]. *Printing tak* [cetakan tidak].

Roslina : **Yang *nak design* [hendak mereka corak]?**

Encik Suhaimi : *Design nak* [pereka corak perlukan] kelulusan. *Technician nak* [juruteknik perlukan] kelulusan. *Technician* [juruteknik].

Roslina : **Encik Suhaimi bergiat dalam Desa Murni batik *ni* [ini] kan, sebenarnya daripada minat Encik Suhaimi sendiri ke macam mana?**

Encik Suhaimi : Tanggungjawab saya sebagai anak sulung.

Roslina : **Encik Suhaimi ada dapat sokongan daripada *family* [keluarga] tak macam dari *family* [keluarga] ke, kawan-kawan ke?**

Encik Suhaimi : Ada. Ada.

Roslina : **Paling banyaknya dari?**

Encik Suhaimi : *Family* [keluarga] la

Rokiah : **Encik Suhaimi, boleh Encik Suhaimi jelaskan, ayah Encik Suhaimi masih hidup?**

Encik Suhaimi : Masih hidup. *Ok* [baiklah].

Roslina : **Kalau macam *tu* [itu] kita teruskan kepada aspek kerjaya Encik Suhaimi sekarang. *Okay* [baiklah], seperti yang kita tahu kan, batik *ni* [ini] merupakan salah satu---**

TRANSKRIP PENDOKUMENTASIAN LISAN

BAHAGIAN C: PENGURUSAN PERNIAGAAN

Rokiah : **Bagaimana proses ayah Encik Suhaimi menyerahkan---**

Encik Suhaimi : Tugas

Rokiah : **Tugas--- kepada Encik Suhaimi pada *umur lapan belas* [18] tahun?**

Encik Suhaimi : Er saya buat. Masa umur *umur lapan belas* [18] tahun tidak serah lagi. Saya hanya bekerja sahaja. Saya rasa masa serah saya rasa umur saya lebih kurang *tiga puluh* [30] tahun saya rasa.

Rokiah : ***Dua puluh* [20] tahun?**

Encik Suhaimi : *Tiga puluh* [30] tahun.

Rokiah : ***Tiga puluh* [30].**

Encik Suhaimi : Ha. *Dua belas* [12] tahun saya bekerja *baru* [baharu] dia serah.

Rokiah : ***Dua belas* [12] tahun bekerja. Dalam tempoh *dua belas* [12] tahun bekerja *tu* [itu] adakah Encik Suhaimi melakukan**

kesemua proses pembuatan batik bermula daripada---.

Encik Suhaimi : A sampai Z semua saya tahu. Semua *tak* [tidak] boleh tipu. *Staff* [pekerja] semua *tak* [tidak] boleh tipu. A sampai Z. Sebab *starting* [permulaan] semua saya tahu. Proses saya tahu. *Kalu* [kalau] rosak macam *ni* [ini], *staff* [pekerja] *tak* [tidak] boleh tipu *pasal apa* [kenapa] rosak. A sampai Z semua saya tahu.

Roslina : Walaupun menggunakan teknologi yang baru la?

Encik Suhaimi : Sama *je* [sahaja]. *First* [mula-mula] beli mesin satu [1], saya yang jaga. Saya tahu. (Rokiah ketawa) Begitu juga *design* [corak]. Awak hanya buat *design* [corak]. Tapi *marketing* [pemasaran] saya buat. Awak *tak* [tidak] tahu *marketing* [pemasaran]. Awak hanya boleh buat design. Kita buat *marketing* [pemasaran] kita tahu dimana silap seorang *designer* [pereka].

Roslina : Sejak mula aktif buat batik *ni* [ini]---. Maksudnya macam aktif *tu* [itu] dari *lapan belas* [18] kan *start* [mula] kerja buat batik, tapi aktif untuk memajukan bidang batik ataupun produk-produk Desa Murni *ni* [ini]

Encik Suhaimi : Memajukan *se jela* [satu sahaja]. Daripada dua [2] orang sampai naik macam *ni* [ini]

- Roslina** : Daripada *dua* [2] orang pekerja tu?
- Encik Suhaimi : Ha. Dulu buat batik blok lepas *tu* [itu] pergi kepada batik lukis pergi kepada *hand printing* [cetakan tangan] pergi kepada digital la daripada segi tangga ada la.
- Roslina** : Maksudnya, maksud kepada soalan saya tadi kan, macam, apa, *effort* [usaha] Encik Suhaimi nak memajukan---
- Rokiah** : Mendedahkan kepada dunia---
- Roslina** : Mendedahkan kepada---
- Rokiah** : Sebelum *ni* [ini] Desa Murni---
- Encik Suhaimi : Saya rasa baru berlaku *lima* [5] tahun la. Sebelum *ni* [ini] duduk dalam kandang sendiri. Lepas, kita rasa sudah sampai masa kita untuk *expose* [dedah] keluar baru kita--- *lima* [5] tahun saya rasa ada. Ha, *lima* [5] tahun baru kita putus *expose* [dedah] keluar.
- Roslina** : Tapi dalam masa *lima* [5] tahun *tu* [itu] kira banyak juga la kejayaan kan. Sebab sekadar yang saya dah tahu, Encik Suhaimi sekarang *ni* [ini] dah mempunyai *sebelas* [11] cawangan Desa Murni. Lepas *tu* [itu] macam *baru ni* [baru-

baru ini] pun ada satu pembukaan () *store* [cawangan] baru, macam mana *tu* [itu] cara *nak handle* [mahu uruskan] semua cawangan tu.

Encik Suhaimi : Kita ada *manager* [pengurus] la. *Senior manager* [pengurus kanan]. Ok. Saya rasa yang--- betul-betul yang professional bekerja dalam Desa Murni melebihi seratus [100] orang. Gabungan tenaga pakar dan juga kawan-kawan yang membina Desa Murni. *Senior manager* [pengurus kanan], *manager* [pengurus], semua orang yang betul-betul professional duduk dalam Desa Murni. Kalau *senior manager* [pengurus kanan] *sepuluh ribu* [10,000] gaji. *Manager* [pengurus] pun *lapan ribu* [8000] gaji. Mesti orang yang betul-betul professional yang membina Desa Murni *lekat* [kekal]. *Support* [sokong] saya supaya terus naik.

Rokiah : Alhamdulillah. Tahniah, Encik Suhaimi. Encik Suhaimi, kalau Encik Suhaimi masih ingat, bilakah tarikh cawangan pertama Desa Murni dibuka?

Encik Suhaimi : Saya tidak ingat.

Rokiah : Sebab terlalu banyak?

Encik Suhaimi : Tapi saya rasa tahun *dua ribu tiga* [2003], saya rasa.

Rokiah : Cawangan yang pertama Encik Suhaimi?

Encik Suhaimi : Pertama dibuka.

Rokiah : Dimana cawangan pertama Desa Murni Batik?

Encik Suhaimi : Di Batu Enam [salah sebuah kampung di daerah Kuala Terengganu] *first* [pertama].

Roslina dan : Di Batu Enam

Rokiah

Roslina : Sebuah kedai *tu* [itu] la?

Encik Suhaimi : Ya, sebuah kedai di Batu Enam

Roslina : Lepas *tu* [itu] *baru* [baharu] *expand* [meluas] jadi 2 kan?

Encik Suhaimi : *Ha* [iya].

Rokiah : Lepas *tu* [itu] *baru* [baharu] ada pasar tudung---

Encik Suhaimi : *Tak* [tidak]. Dia pergi ke pasar Kuala Berang [daerah Hulu

Terengganu] *dulu* [dahulu]. Supermarket Kuala Berang *dulu* [dahulu]. DM Pemborong Kuala Berang. Akhir sekali kita akan buka di Dungun [salah sebuah daerah di Terengganu] *satu* [1].
Sebelah pejabat pos rasanya.

Roslina : Oh, yang *baru ni* [baharu ini] la

Encik Suhaimi : Yang *baru* [baharu] sebelah pos laju. Sedang *renovation* [pengubahsuaian].

Rokiah : Dan saya *nak* [mahu] tanya Encik Suhaimi apakah cabaran yang paling hebat Encik Suhaimi pernah tempuhi dalam bidang perniagaan batik *ni* [ini]?

Encik Suhaimi : Saya sentiasa melawan arus la. Apa yang orang kata *tak* [tidak] dapat, *tak* [tidak] boleh, saya akan buat betul-betul boleh. Itu yang saya rasa tanda kejayaan saya pada hari ini.

Rokiah : Encik Suhaimi tidak pernah berputus asa?

Encik Suhaimi : *Tak* [tidak]. Pasal ada satu pepatah *mat saleh* [orang asing – orang Itali], *mat saleh* [orang asing – orang Itali] bagitahu saya, tiada masalah yang *tak* [tidak] boleh selesai kecuali mati. Itu *mat saleh* [orang asing – orang Itali] bagitahu. Orang Itali yang cakap

kepada saya.

Rokiah : Sampai sekarang Encik Suhaimi pegang?

Encik Suhaimi : Mesti pegang pasal--- mesti masalah seberat mana pun masalah *tu* [itu] pasti boleh selesai. Dan strategi kita mesti berbeza dari segi masa ke semasa.

Rokiah : Dan dari segi persaingan, Encik Suhaimi, adakah Encik Suhaimi mempunyai saingan yang sengit dalam bidang Desa Murni, contohnya macam Noor Arfa Batik, adakah Encik Suhaimi bekerjasama atau Encik Suhaimi---

Encik Suhaimi : Bekerjasama

Rokiah : Bekerjasama. Seperti yang saya lihat dibawah, ada produk Noor Arfa Batik yang turut dijual di Desa Murni ni. Adakah itu salah satu contoh kerjasama?

Encik Suhaimi : *Tak* [tidak] kita--- *memang dah berkawan dari dulu dah* [memang sudah berkawan dari dahulu].

Rokiah : Oh, *kawan dari dulu dah* [sudah berkawan dari dahulu]

Encik Suhaimi : Dari *dulu* [dahulu]. Dan dia--- kita pun ada buat untuk *dia* [Noor Arfa]

Rokiah : Oh, buat untuk *dia* [Noor Arfa].

Encik Suhaimi : Ada.

Rokiah : *Okay* [baiklah]. Kalau dari pasaran Encik Suhaimi, Encik Suhaimi, kepada *international* [antarabangsa] sekarang adakah sudah semakin meluas atau masih, belum lagi---

Encik Suhaimi : *Tak* [tidak]. Masih lagi ke Brunei Darul Salam. Hanya ke Brunei Darul Salam sahaja.

Roslina : Oh, setakat Brunei sahaja la.

Rokiah : Brunei. Seluruh Malaysia, adakah Encik Suhaimi merancang untuk pergi ke Sabah dan Sarawak?

Encik Suhaimi : Sabah Sarawak, ada, tapi rasa lambat sikit la. Pasal ada---. Tenaga *pun tak ada* [juga tidak ada] sekarang. Kekurangan.

Roslina : Kalau macam *tu* [itu], boleh Encik Suhaimi ceritakan kejayaan ataupun anugerah yang pernah diterima oleh Desa

Murni batik.

Encik Suhaimi : *Tak* [tidak] pernah. Saya rasa Desa Murni *tak* [tidak] pernah mendapat sebarang anugerah sebab kita buat--- kita *tak* [tidak] suka *expose* [dedah]---

Roslina : Oh, maknanya *exposure* [pendedahan] *ni* [ini] hanya dilakukan secara kecil-kecilan, lepas *tu* [itu] nanti baru--- macam strategi *tu* [itu] la. Macam yang kami dapat informasi tadi, tapi sebelum *tu* [itu] saya nak ucapkan tahniah kepada Encik Suhaimi kerana () Encik Suhaimi telah tercalon sebagai seorang tokoh usahawan negeri Terengganu.

Encik Suhaimi : Terima kasih.

Roslina : Jadi macam mana perasaan Encik Suhaimi bila dapat berita *tu* [itu]?

Encik Suhaimi : Rasa biasa *je* [sahaja]. *Pasal* [kerana] kita telah buat untuk kita dan keluarga dan juga seluruh orang melayu, _ _ _ _ dan suasana yang saya rasa cukup baik. Dan kita banyak belajar daripada orang cina macam mana menguruskan perniagaan yang, perniagaan yang besar dan kita--- dan Desa Murni kalau awak tengok hari ini dia pelbagai. Bukan batik sahaja. Ada *textile* [tekstil], *home textile*

[tekstil rumah]---

Rokiah : **Tudung**

Encik Suhaimi : Tudung. *Ha* [iya], semua dia boleh.

Roslina : **Tapi yang utamanya, produk utama adalah batik**

Encik Suhaimi : --- saya rasa batik sudah jadi sebahagian. Cuma kita mengekalkan Desa Murni Batik adalah perkataan batik itu kita kekalkan kerana kita berasal daripada batik. Dari keluarga batik.

Rokiah : **Sebenarnya saya kagum dengan Encik Suhaimi. Dengan berjaya membuka banyak cawangan yang *sebelas* [11] *tu* [itu]. Yang ke *sebelas* [11]. Jadi, pada pendapat Encik Suhaimi, adakah di setiap cawangan *tu* [itu] Encik Suhaimi *kena* [perlu] pantau? Kan tadi Encik Suhaimi---**

Encik Suhaimi : *Tak* [tidak] juga. Sebab kita ada *manager* [pengurus] yang baik, *manager* [pengurus] yang kita yakin dia mampu bekerja, ape *ni* [ini], *manager* [pengurus] yang amanah. Saya rasa *tak* [tidak] perlu pantau juga. Contohnya di Batu Enam, kadang kala setahun sekali saya pergi. --- kita ada kedai, jualan pun hebat juga. Di Pengadang Baru pun hebat juga. Kadang kala *tiga* [3] bulan sekali,

empat [4] bulan sekali saya pergi. Jadi saya rasa tidak perlu. Yang penting orang yang jaga itu adalah orang yang beramanah dan jujur.

Rokiah : **Dan *Alhamdulillah*. Mereka memang beramanah.**

Encik Suhaimi : Aha. ---. Setakat hari ini la

Rokiah : ***Alhamdulillah*. Encik Suhaimi, kalau nak diikutkan, Encik Suhaimi punya cawangan, cawangan mana yang paling kerap Encik Suhaimi lawati? Disini la?**

Encik Suhaimi : Saya memang duduk disini. Kerana kilang, kilang tidak ada orang yang mampu *handle* [uruskan] sampai ke hari ini.

Rokiah : ***Hundred percent* [seratus peratus - 100%] Encik Suhaimi yang *handle* [uruskan] disini?**

Encik Suhaimi : Ha, *hundred percent* [seratus peratus - 100%] saya disini. *Pasal* [kerana] kilang adalah benda yang rumit, benda yang memerlukan penelitian, orang yang faham batik, yang mampu duduk di sini.

Rokiah : **Yang menjiwai la. Encik Suhaimi, saya nak tanya Encik**

Suhaimi kalau dari segi batik sendiri itu, adakah—

Roslina : **Macam ini Encik Suhaimi, saya *nak* [mahu] tanya ya, kalau macam yang kita tahu kan, batik, kalau batik Terengganu dia ada *design* [corak], macam keaslian dia yang tersendiri kan, macam batik Kelantan, dia punya batik, *okay* [baiklah], macam mana Desa Murni batik ini mengekalkan keaslian batik itu, macam batik itu dari Terengganu sendiri. Macam mana? Daripada--- *tak* [tidak], maksud saya dari segi corak ke,**

Encik Suhaimi : **Apa yang saya nampak, pertama kita buat batik ini, sepasang kita buat satu *design* [corak], satu sahaja.**

Roslina : **Oh, Desa Murni satu batik, satu design?**

Encik Suhaimi : **Ha, satu batik, satu *design* [corak], satu pasang sahaja. Kedua, setiap kain kita ada tulis *Made in Terengganu*. Bermakna buatan Terengganu. Ha, semua kain kita, kita *Made in Terengganu* [buatan Terengganu] dan memang--- dan kita, Desa Murni menghasilkan *design-design* [corak-corak] yang saya rasa cukup eksklusif, cukup eksklusif pasal [kerana] kita mendapat tunjuk ajar daripada *designer* [pereka] daripada Itali. *Ha* [iya], jadi setiap tahun saya akan pergi ke Itali untuk berbincang dengan *designer* [pereka] supaya hasil *design* [corak] yang dihasilkan oleh *designer***

[pereka] tempatan--- *pasal* [kerana] dia *transfer* [pindah], dia, semua teknologi--- dia akan--- semua *design* [corak] dia, kalau *photoshoot* [pemotretan], dia *takkan* [tidak akan] main *hundred percent photoshoot* [seratus peratus [100%] pemotretan]. Dia akan *ambik sikit je* [ambil sedikit sahaja]. Dan dengan kita, dengan kita ambik *design* [corak], *design* [corak] daripada Itali, semua formula sudah ada dalam. Jadi semua *designer* [pereka] kita akan dapat tiru macam mana dia *step by step* [langkah demi langkah] dia pergi untuk buat sesuatu *design* [corak].

Rokiah : **Dan bagaimana Encik Suhaimi dapat memastikan bahawa *design* [corak] Encik Suhaimi tak sama dengan *design* orang lain? Sebab susah kan ---**

Encik Suhaimi : Tak *pasal* [kerana]--- *dia tak susah pasal* [tidak susah kerana] batik terap, dia ada *limit* [had] dia macam mana bentuk kita tahu. Batik lukis pun ada bentuk. Batik lukis nak buat bunga hidup, *tak* [tidak] boleh. Hanya digital *saja* [sahaja] boleh buat bunga hidup. *Overlapping* [yang bertindih], contoh, kuning campur biru, kalau batik terap dia akan jadi hijau. Kuning campur biru. Tapi digital tetap jadi biru. Tetap jadi kuning. Jadi benda-benda *tu* [itu] batik lukis *tak* [tidak]---. *Saya rasa senang nak tengok* [saya rasa senang untuk pastikan] la.

Rokiah : **Dan macam mana Encik Suhaimi melindungi produk Encik Suhaimi daripada di tiru oleh syarikat-syarikat luar?**

Encik Suhaimi : Saya rasa kalau dia *nak* [mahu] tiru *tu* [itu] hak dia. Kita *tak* [tidak] boleh larang. Tetapi kita, kita sendiri, *designer-designer* [pereka-pereka] Desa Murni sendiri mesti menghasilkan produk baru setiap hari.

Rokiah : **Setiap hari mengeluarkan rekaan baru?**

Encik Suhaimi : Setiap hari---

Rokiah : **Maknanya setiap hari tu satu design atau, setiap hari dia ada--**
-

Encik Suhaimi : Setiap *designer* [pereka] ada *lima* [5] *design* [corak] *satu* [1] hari *sepuluh* [10], *lima belas* [15], *tiga puluh* [30], jadi saya rasa banyak la. (panggilan telefon Encik Suhaimi).

Rokiah : **Encik Suhaimi nampaknya agak *busy* [sibuk] sejak beberapa hari--- ke memang Encik Suhaimi sentiasa *busy* [sibuk]?**

Encik Suhaimi : Saya sentiasa *busy* [sibuk]. Pasal kita, saya sendiri, *sepuluh* [10]

hingga *dua* [2] minggu kena balik--- setiap bulan kena berada di China, setiap bulan. Jadi, setiap bulan

Rokiah : **Apa yang Encik Suhaimi buat di China?**

Encik Suhaimi : Kita mesti import barang daripada China la, beli barang

Rokiah : **Contohnya seperti kain---**

Encik Suhaimi : Kain, tudung, *home textile* [tekstil rumah], semua beli daripada China.

Rokiah : **Yang dari segi dakwat?**

Encik Suhaimi : --- sekarang kita import dari Switzerland.

Rokiah : **Switzerland?**

Encik Suhaimi : Switzerland.

Rokiah : **Yang buatan syarikat Encik Suhaimi sendiri?**

Encik Suhaimi : *Ink takde buat* [dakwat tidak dibuat sendiri]. Mesti, hanya di Switzerland sahaja.

Rokiah : **Diimport.**

Encik Suhaimi : *Ha* [iya], kalau beli China *pun* [juga], mesti import daripada Switzerland. *Tak boleh* [tidak boleh]. *Pasal* [kerana] dia guna *pre-heat* [mesin pra-haba]. *Pre-heat* [mesin pra-haba] *tu* [itu] dia guna *pre-heat* [mesin pra-haba] Made in Japan. Hanya Huntsman *je* [sahaja] mengeluarkan *ink* [dakwat]. *Company* [syarikat] daripada Switzerland.

Rokiah : ***Huntsman* tu boleh Encik Suhaimi jelaskan? *Huntsman* tu bermaksud?**

Encik Suhaimi : Pengeluar *ink* [dakwat] la.

Rokiah : **Pengeluar *ink* [dakwat] di Switzerland?**

Encik Suhaimi : *Ha* [iya].

Roslina : **Dalam pembuatan batik ni kan, siapa idola Encik Suhaimi yang Encik Suhaimi rasa macam---**

Rokiah : **Encik Suhaimi kagum---**

Encik Suhaimi : *Tak ada* [tidak ada]. *Pasal* [kerana] dia buat lukis kita sudah---

kita, kita tidak--- negara yang saya kagum adalah Itali la. Yang buat *textile*. Pasal dia fesyen. Bila fesyen, melibatkan *textile* [tekstil]. Pasal kita mesti tengok ke depan. Bukan kita nak, kita mengundur ke belakang. Pasal ada apa-apa batik, batik blok, batik lukis, saya tak boleh tengok dia. Saya mesti tengok orang yang ke hadapan, kita maklum orang Itali. Jadi saya mesti tengok orang Itali la. Fesyen, semua fesyen-fesyen terkenal---

Rokiah : **Dari Itali**

Encik Suhaimi : Daripada Itali

Rokiah : **Dan, maksud Roslina, pendorong Encik Suhaimi.--- macam mana ya---**

Roslina : **Orang belakang---. Yang macam boleh bagi idea untuk Encik Suhaimi--- untuk mengembangkan lagi dan---**

Encik Suhaimi : Kawan-kawan saya tadi saya kata, *manager* [pengurus] semua, pengalaman---

Rokiah : **Kalau dari sokongan keluarga, macam isteri Encik Suhaimi, adakah mereka *support* [sokongan].**

Encik Suhaimi : Ada, ada.

Rokiah : Dan anak-anak Encik Suhaimi adakah mereka berminat dengan pembuatan batik?

Encik Suhaimi : Saya *tak* [tidak] tahu *nak* [hendak] jangka la. Pasal dia dalam keadaan sekolah saya *tak mo* [tidak mahu] ganggu la. Saya *tak mo* [tidak mahu] ganggu.

Rokiah : Dan adakah Encik Suhaimi dapat melihat bakat-bakat mereka?

Encik Suhaimi : Semua anak-anak saya diajar, dari kecik sudah diajar ke kelas melukis. Jadi saya rasa anak saya semua boleh melukis.

Rokiah : Alhamdulillah. Dan adakah suatu hari nanti Encik Suhaimi akan mewariskan---

Encik Suhaimi : Err, saya rasa kita akan mewariskan pasal kita sudah dua generasi. Dari *tok* [nenek] lagi tiga generasi. Pasal *tok* [nenek] buat songket. Jadi ayah buat batik. Jadi cabang yang sama, *textile* la. Sudah tiga, empat generasi saya rasa buat batik.

Rokiah : Waktu---. Zaman ayah Encik Suhaimi, adakah, err, ayah Encik Suhaimi, Encik Embong Bin Su---

Encin Suhaimi : Ha,

Rokiah : Adakah dia ambil--- kenapa dia tidak meneruskan pembuatan songket dan mengambil inisiatif untuk membuat batik?

Encik Suhaimi : *Tu* [itu] saya *tak* [tidak] tahu la. *Tak* [tidak] pernah soal.

Roslina : Maknanya dia bagi sepenuhnya---

Encik Suhaimi : Saya rasa *nyang* [moyang] saya buat songket, *tok* [nenek] saya buat songket, makna *dua* [2] generasi. Ayah saya buat batik, saya buat batik. Rasa empat generasi la._____. *Nyang* [moyang] saya *tu* [itu] saya ingat masa *kecik-kecik* [kecil] *dah* [sudah] buat songket, *tok* [nenek] saya pun buat songket, mak saya pun *tenun* [tenunan] *jugok* [juga], lepas *tu* [itu] ayah saya buat batik.

Rokiah : Maknanya alatan-alatan songket *tu* [itu] semua memang *dah tak* [sudah tidak] ada la.

Encik Suhaimi : *Tak ada dah* [sudah tidak ada].

Rokiah : **Dan adakah saudara-mara Encik Suhaimi turut terlibat dalam---**

Encik Suhaimi : Batik?

Rokiah : **Adik beradik dan saudara ada berkecimpung dalam bidang pembuatan batik?**

Encik Suhaimi : *Tak ada* [tidak ada].

Rokiah : **Hanya Encik Suhaimi seorang?**

Encik Suhaimi : Saya seorang sahaja buat batik.

Rokiah : **Adik-adik Encik Suhaimi?**

Encik Suhaimi : *Tak, tak de* [tidak, tidak ada].

Rokiah : **Dia orang semua jadi professional ---**

Encik Suhaimi : Ha, dia bekerja di Kuala Berang [daerah Hulu Terengganu].

Rokiah : **Bekerja di Kuala Berang.**

Encik Suhaimi : Hem.

Roslina : **Macam tadi kan, saya ada nyatakan yang Encik Suhaimi mempunyai *sebelas* [11] cawangan kan, boleh Encik Suhaimi nyatakan tak berapa cawangan di Kuala Terengganu dan dekat mana lagi cawangan-cawangan yang lain?**

Encik Suhaimi : Di Kuala Terengganu,--- Batu Enam *dua* [2], Kuala Berang *satu* [1], Pengadang Baru *satu* [1], Pulau Rusa *satu* [1], *enam* [6] la cawangan di Terengganu. Di---

Roslina : **Termasuk yang baru tu la?**

Encik Suhaimi : *Yang baru tak masuk lagi* [tidak termasuk yang baharu]. *Tujuh* [7] la campur yang di Dungun [salah sebuah daerah di Terengganu]. Kita akan buka.

Roslina : ***Tujuh* [7] dengan yang Dungun. Yang dekat negeri lain tu, yang selebihnya tu, dekat---**

Encik Suhaimi : Di Kemaman, di Temerloh, di Wangsa Walk, di Wangsa Maju, di Shah Alam, di Kota Bharu.

Roslina : **Oh, Kota Bharu. Dekat bandar Kota Bharu ke?**

Encik Suhaimi : Bandar Kota Bharu. Dekat KB Mall--- Jalan Sultan Ibrahim *tak*

[tidak] silap saya.

Roslina : **Oh, dekat stadium?**

Encik Suhaimi : Dekat stadium la.

Rokiah : **Encik Suhaimi, siapa yang memilih lokasi-lokasi untuk dibuka cawangan ini? Adakah Encik Suhaimi sendiri?**

Encik Suhaimi : Bukan saya pilih. Di Terengganu saya pilih, tetapi di luar pada Terengganu, saya tidak pilih, bukan. *Manager* [pengurus], kawan-kawan kita lah. *Suggest* [cadangkan].

Rokiah : **Dan merekalah yang banyak membantu dari segi modal?**

Encik Suhaimi : Pemilihan lokasi, bukan modal, pemilihan kedai.

Rokiah : **Kalau dari segi modal untuk membuka cawangan baru itu, dari Encik Suhaimi sendiri?**

Encik Suhaimi : Ya saya.

Rokiah : **Dan Encik Suhaimi menggunakan seratus peratus [100%] wang sendiri atau Encik Suhaimi membuat pinjaman bank.**

Encik Suhaimi : Seratus peratus [100%] wang sendiri.

Roslina : **Maknanya dari mula-mula perniagaan tu memang seratus**

peratus [100%] modal Encik Suhaimi *ea* [ya], maknanya maksud saya *takde* [tiada] pinjaman daripada sumber lain?

Encik Suhaimi : *Takde* [tiada]

Roslina : Macam dah buka cawangan banyak dah kan. Ada *tak* [tidak] macam saingan hebat daripada pesaing lain? Seperti yang kita *tahu* [maklum], Encik Suhaimi kata, Encik Suhaimi ada kerjasama dengan Noor Arfa Batik, macam kita *pon* [juga] ada jugak produk- produk lain, macam kat *Pasar Payang* [sebuah pusat membeli-belah di Terengganu] sendiri ada banyak pengeluar-pengeluar batik, macam mana pula persaingan dengan yang itu?

Encik Suhaimi : Saya rasa-, saya nak- bagi saya- persaingan- persaingan bagus lah, banyak persaingan, *lagi* [semakin] banyak kita berfikir,- *beri* [memberikan] gambaran yang jelas, maksudnya, persaingan itu sihat lah.

Roslina : Maksudnya, ada *tak* [tidak] yang menggugat perniagaan En.Suhaimi?

Encik Suhaimi : Saya rasa *takde*. [tiada]

Roslina : Macam Encik Suhaimi sendiri *tengok* [lihat] kan, dari segi kerjaya Encik Suhaimi sendiri, macam mana perkembangan

batik dalam Negeri Terengganu itu sendiri?

Encik Suhaimi : Perkembangan batik, saya *tak* [tidak] tahu berapa banyak pembatik yang ada sekarang ni, semasa saya *kecik-kecik* [masih kecil] adalah, kawasan ini saja pon sudah ada *enam* [6] pembatik, saya ingat masa saya *kecik-kecik* [masih kecil] dulu lah, kawasan kilang saya saja *ni* [ini] lah ada *enam* [6] *taukeh* [pengusaha] batik, buat sendiri yang kecil-kecilan, masa saya *kecik-kecik* [masih kecil] lah yang saya ingat.

Rokiah : Dan bagaimana pula situasi sekarang?

Encik Suhaimi : Tinggal satu sahaja. Tinggal kita sahaja dan pasaran cukup baik. Pembatik semakin berkurangan, saya rasa--- pembatik-pembatik *makin* [semakin] berkurangan.

Rokiah : Dan apakah tindakan Encik Suhaimi yang Encik Suhaimi rasa Encik Suhaimi boleh lakukan untuk menambah bilangan pembatik di Terengganu ini? Adakah Encik Suhaimi *request* [memohon] mana-mana agensi untuk menyediakan pembatik?

Encik Suhaimi : Saya *tak* [tidak] mampu la nak cadangkan, *pasal* [kerana] *dia* [itu] hak masing-masing lah.

Rokiah : Kalau Encik Suhaimi *ambil* [mengambil] pekerja *tu* [tersebut], adakah Encik Suhaimi sendiri yang pilih atau *diorang*

- [mereka] sendiri yang hantar *resume* [fail maklumat peribadi]
- Encik Suhaimi : *Pasal* [kerana] sekarang pembatik berbeza, sekarang saya buat digital, dia buat lukis, ilmu yang berbeza, *market* [pasaran] yang berbeza.
- Roslina : Adakah batik lukis masih lagi dijual?
- Encik Suhaimi : Dijual. *Still* [masih] ada lagi orang buat lagi lukis.
- Roslina : Dari segi kualiti tu, digital lagi *okay* [baik] berkualiti?
- Encik Suhaimi : Digital lagi *okay* [baik], saya rasa, sebab digunakan teknologi dari Switzerland dan diformulakan daripada Switzerland. Dari segi teknikal.
- Roslina : Daripada *mula-mula* [awal] Encik Suhaimi boleh terlibat dalam pembuatan batik, Apakah cabaran yang paling hebat yang pernah Encik Suhaimi tempuhi?
- Encik Suhaimi : Cabaran saya yang paling hebat ialah baru membawa masuk teknologi daripada Itali.
- Roslina : *Start* [bermula] dari tahun *dua ribu tiga* [2003] ke [ya]?
- Encik Suhaimi : Ya. rasa saya bukan tahun *dua ribu tiga* [2003]-- dua ribu sepuluh [2010] saya rasa-, digital, tahun *dua ribu lima* [2005], *saya lupa dah* [saya sudah lupa], tetapi *tu* [itu] *tak* [tidak] kritikal, membawa

masuk teknologi *tu* [itu], *Pasal* [kerana] dia terbahagi kepada *dua* [2] , *satu* [1] teknologi dari Malaysia, *satu* [1] teknologi dari Itali , pasal dia ada *step by step* [langkah demi langkah] *lah* [sebenarnya].

Rokiah : **Masalah tu dari segi penerimaan pelanggan atau bagaimana?**

Encik Suhaimi : *Machine* [mesin]. Pemasangan *machine* [mesin] .Tak bukan. Pemasangan mesin dan pemindahan teknologi, *orang kita nak ambil alih macam mana keadaan* [situasi dimana para pekerja memulakan proses pengambilalihan teknologi menggunakan mesin].

Rokiah : **Adakah sebab *technician* [juruteknik] yang datang pasang sendiri dari Switzerland?**

Encik Suhaimi : *Diorang* [mereka] datang dari Itali dan Switzerland.

Roslina : **Macam mana pula dari segi penyelenggaraan mesin-mesin itu dilakukan? Kalau ada masalah?**

Encik Suhaimi : Diurus oleh *technician* [juruteknik] sini sekarang.

Roslina : **Bermakna *technician* [juruteknik] sini boleh ambil alih?**

Encik Suhaimi : Ya. *boleh ambil alih dah* [sudah boleh diambil alih oleh orang tempatan]

Roslina : Selain daripada cabaran membawa teknologi tersebut? Adakah terdapat lagi cabaran lain? Contohnya cabaran dari segi perniagaan?

Encik Suhaimi : *Takda mana* [tidak banyak sangat], kalau ada masalah kita fikir, ada masalah kita fikir, lama-lama selesai. Saya nak bagitahu awak, tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan kecuali mati. Kita kena pegang *benda* [prinsip] *tu* [itu]. Setiap kali ada masalah, kita mesti selesaikan, mesti ada cara-. Sebaik mungkin kita mesti cuba selesaikan. Dari segi *marketing* [pemasaran] ke, dari segi operasi ke, semua, kita mesti selesaikan.
(berhenti sekejap untuk menjawab panggilan telefon)

Rokiah : Encik Suhaimi, boleh kita berbalik kepada bidang pendidikan Encik Suhaimi boleh?

Encik Suhaimi : Boleh.

Rokiah : Waktu Encik Suhaimi masih kecil, Encik Suhaimi semestinya mempunyai rakan persekolahan bukan? Boleh Encik Suhaimi nyatakan kawan yang paling Encik Suhaimi ingat dan siapakah kawan baik Encik Suhaimi?

En.Suhaimi : Masa sekolah. *Takdak* [tiada] rakan sekolah sebaya saya yang masih duduk di sini saya rasa. Sebenarnya begini, Kg Pulau Rusa

ni [ini], hanya tinggal ibu bapa *ja* [sahaja]. *Pastu* [kemudian] rumah kosong. *Mak* [emak] asal duduk sini, anak tidak akan duduk sini. Semua orang keluar *belaka*. *Semua orang lari belaka* [kebanyakkan jumlah penduduk Kg. Pulau Rusa telah berpindah]. Setiap hari tinggal ibu bapa *ja* [sahaja]. Bila ibu bapa dah *takdak* [tiada], rumah *tu* [itu] jadi kosong. *Tu* [itu] keadaan Kg. Pulau Rusa sekarang ni. *Pasal tanah tidak ada di Pulau Rusa* [kerana tanah lapang untuk dibina rumah sudah tiada di kawasan Kg. Pulau Rusa ini]. Pasal Sekolah Pulau Rusa pon, murid masa saya *dua* [2] kelas, sekarang *ni* [ini] *sekelas aje* [satu kelas sahaja] , sudah kepupusan murid di SK Pulau Rusa. Tinggal orang tua *ja* [sahaja]. Kawasan di luar ada la__ __jarang. Awak pegi la rumah mana-mana, rumah tempatan, __ __ semua rumah, kosong dah, rumah yang ada depan ni, sembilan adik beradik, *sorang ja yang tinggal* [seorang sahaja lagi yang masih tinggal di rumah tersebut].

Rokiah : **Adakah kerana semua orang telah berhijrah keluar dari kawasan Pulau Rusa?**

Encik Suhaimi : Kerana tidak ada tanah yang boleh dibuat rumah disini.

Rokiah : **Bagaimana keadaan tanah di Kampung Pulau Rusa?**

Encik Suhaimi : Rumah lama semua. Dia *takde* [tiada] lot. Rumah kampung. Ada tanah, buat rumah, macam tu *je* [sahaja].

Rokiah : Sahabat Encik Suhaimi yang membuka cawangan-cawangan tu [tersebut]. Boleh Encik Suhaimi ceritakan tentang mereka?

Encik Suhaimi : Bukan sahabat. *Staff*. [pekerja] *manager* [pengurus]

Rokiah : Bagaimana Encik Suhaimi mengenali mereka?

Encik Suhaimi : *Networking* [pertalian]. Rakan-rakan. Dia yang *syorkan* [mencadangkan].

Rokiah : Adakah Encik Suhaimi seorang yang peramah dan mudah didekati?

Encik Suhaimi : Saya mudah didekati.

Rokiah : Adakah rakan-rakan Encik Suhaimi sering mengadu kepada Encik Suhaimi sekiranya mereka ada masalah?

Encik Suhaimi : Kebiasaannya, dia *tak* [tidak] cerita kepada saya. Dia akan selesai di peringkat bawahan. Yang tak boleh diselesaikan baru dibawa ke pihak atasan. Saya rasa itu biasa. Mana-mana jabatan *pon* [sekalipun], biasanya, katakan, penyelia, penyelia yang selesaikan dulu, masalah staf dan orang bawahan dia, Dia tak boleh selesai baru naik *assistant manager* [pembantu pengurus], *Assistant manager* [pembantu pengurus] tak boleh selesai baru bawak naik ke *manager* [pengurus], *manager* [pengurus] *tak* [tidak] boleh selesai baru bawa naik kepada *CEO* [Chief Executive Officer],

biasanya macam *tu* [itu], baru kita tidak terbeban oleh tugas yang remeh-temeh.

Rokiah : **Bagaimana hubungan Encik Suhaimi dengan *staff* [pekerja] Encik Suhaimi? Adakah mengikut taraf tersebut atau bagaimana?**

Encik Suhaimi : Tak. Biasa *ja* [sahaja]. *tak kisah la*. [tidak mengapa]

Rokiah : **Encik Suhaimi *okay* [baik] dengan semua orang *la* [lah] kan?**

Encik Suhaimi : Saya tidak ada *bias* [tidak pilih kasih] dengan *staff* [pekerja]. Cuma *staff* [pekerja] tidak ada hal, tidak boleh jumpa saya, dia mesti jumpa ketua dia, Baru orang *respect* [hormat] pada ketua dia. Semua orang perlu *respect* [hormat] pada ketua dia, Kalau saya yang buat keputusan, saya tak akan buat keputusan, pasal masalah *staff* [pekerja], mesti ketua dia yang buat keputusan. Baru *staff* [pekerja] akan *respect* [hormat] kepada ketua dia. Dan ketua mesti tanya *manager* [pengurus], bukan tanya saya, baru diorang akan *respect* [hormat] pada *manager* [pengurus]. Benda tu mesti kena ada. *Tak* [tidak] boleh jumpa *direct* [terus] dengan semua orang.

Roslina : **Maknanya semuanya bergantung kepada tahap *respect* [hormat] kepada ketua *la ye* [tersebut ya]?**

Encik Suhaimi : *Ha* [ya]. Dia diajar begitu supaya *reti* [tahu] menghormati orang tua. Kalau tidak, dia tidak akan hormat orang tua. Kalau *staff* [pekerja] pergi jumpa *manager* [pengurus], dia *tak* [tidak] akan hormat orang tua sebab *tu* [itu], dia ada ketua, dia mesti tanya ketua dia.

Roslina : **Berkeaan orang di Kampung Pulau Rusa, mestilah mereka sahabat sekolah rendah Encik Suhaimi kan? Bagaimana pula dengan sahabat-sahabat semasa Encik Suhaimi di sekolah menengah?**

Encik Suhaimi : Berjumpa lagi. Ada keluar. Ada *alumni* [persatuan bekas pelajar].

Roslina : **Kiranya, daripada itu, Encik Suhaimi membuat *networking* [jaringan] untuk *bussiness* [perniagaan] *ni ke tak* [ini atau tidak]?**

Encik Suhaimi : Tak.

Roslina : **Habis tu. *Networking* [jaringan] untuk bisnes ni macam mana?**

Encik Suhaimi : Dia *mari* [datang] dengan sendiri-. Bila kita berusaha dia akan *mari* [datang] dengan sendiri. Maknanya kita buat iklan, bila buat iklan *automatic* [serentak] dia akan *mari* [datang] dengan sendiri.

Roslina : **Maknanya, cara untuk mengembangkan perniagaan ini hanya**

secara iklan sahaja?

Encik Suhaimi : Iklan. Mesti iklan, kalau tak buat iklan---. Tengok mana-mana *company besar kecil* [syarikat besar dan kecil]. Iklan *tak* [tidak] boleh lari dari *bisnes* [perniagaan]. Nampak macam membazir, tapi sebenarnya tidak.

Roslina : **Dia bagi *income* [pendapatan] lagi banyak. Dari segi *marketing* [pasaran]?**

Encik Suhaimi : Ya.

Rokiah : **Encik Suhaimi, sekarang kita beralih ke bahagian ekonomi sekarang, pada pendapat Encik Suhaimi, ekonomi sekarang adakah sesuai dan stabil untuk meneruskan perniagaan ini?**

Encik Suhaimi : Dari segi ekonomi, saya rasa stabil, tapi dari segi kejatuhan ringgit, melebihi *sepuluh percent* [10%] saya--- sangat terasa. *Business* [perniagaan] saya banyak, kejatuhan mata wang kita. Macam saya, saya import *ink* [dakwat] daripada Switzerland, *Sparepart* [alat ganti] daripada Itali, kain daripada China, akan terasa la- - - dan saya terasa, saya mesti up_ _ _ semua, supaya kita boleh menampung kos kita, jadi jaga-jaga pada customer, Walaupun kejatuhan ekonomi, kita tidak boleh jadikan alasan kepada kita untuk_ _ , bagi saya, kejatuhan ekonomi *tu* [litu] kelemahan kita, kita mesti berusaha supaya semasa kejatuhan ekonomi, kita masih

lagi mampu bersaing.

Roslina : **Dari segi perusahaan tekstil ini sendiri, Ada persaingan dari negara luar tak? Contohnya negara China.**

Encik Suhaimi : *Tapi tak* [tetapi tidak] sama. Batik sama *tak* [atau tidak]? Dia ada pembinaan batik. Berbeza. Orang boleh beza persaingan. Nampak macam awak pakai kain digital, kain dia, tapi pembinaan batik tu *takde* [tiada], pastu, pasal taraf hidup tak sama, berbeza, ada gaji *lima ribu* [5000], *sepuluh ribu* [10000], adakah orang gaji *lima ribu* [5000] nak beli kain *sepuluh ringgit* [RM10], tidak, dia akan beli kain mahal, taraf hidup yang akan membezakan, kita mesti ada *market* [pasaran].

Roslina : **Dari segi penjualan batik, adakah mengikut *range* [kadar] atau macam mana?**

Encik Suhaimi : Dia ikut *design* [rekaan] yang kita hasilkan la [juga], baru kita boleh letakkan harga.

Roslina : **Maksudnya, nak bagi harga tu, untuk setiap produk ikut *range* [kadar] pendapatan penduduk ke macam mana?**

Encik Suhaimi : *Tak* [tidak]. Ikut rekaan. *Design* [rekaan].

Roslina : **Dari segi harga batik yang dijual?**

Encik Suhaimi : Kita akan buat kajian, baru kita boleh pilih harga. Kita akan nilai, kita tengok berapa hari ambik masa untuk buat *design ni* [rekaan ini]. Semua kita akan buat kajian, sebelum kita letak harga.

Roslina : Dari aspek professional dan sumbangan, penglibatan Encik Suhaimi yang paling aktif kini?

Encik Suhaimi : Saya rasa saya Timbalan Pengerusi *PIBG SK Pulau Rusa* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Pulau Rusa] , kita *pon* [juga] ada buat tuisyen percuma kepada murid tahun *empat* [4], *lima* [5] dan *enam* [6].

Roslina : Encik Suhaimi, juga bergiat aktif dalam aktiviti sosial?

Encik Suhaimi : Aktiviti sosial. Buka pusat tuisyen.

Roslina : Pusat tuisyen untuk budak sekolah rendah sahaja?

Encik Suhaimi : Untuk budak sekolah rendah SK Pulau Rusa sahaja. Tak terbuka kepada orang luar.

Roslina : Maknanya, hanya penduduk Kampung Pulau Rusa ni sahaja *la* [iya]?

Encik Suhaimi : Ya, Hanya yang bersekolah di Sekolah Pulau Rusa, kalau dia orang Durian Burung tapi bersekolah di Sekolah Pulau Rusa, dia berhak mendapat tuisyen percuma.

Roslina : **Maknanya yang berdaftar dia Sekolah Pulau Rusa?**

Encik Suhaimi : Iya.

Roslina : **Adakah Encik Suhaimi berpuas hati dengan pencapaian yang Encik Suhaimi peroleh sekarang bermula hendak bangun hingga berjaya seperti sekarang?**

Encik Suhaimi : Sebagai seorang anak- peniaga, saya tidak boleh berpuas hati. Kita jarang berpuas hati. Kita sebagai seorang yang beramal, kita tidak boleh berpuas hati, kita mesti sentiasa meningkatkan kualiti perniagaan kita.

Rokiah : **Apakah perancangan Encik Suhaimi untuk meningkatkan *business* [perniagaan] Encik Suhaimi?**

Encik Suhaimi : Untuk meningkatkan, kita ada beberapa strategi perniagaan, kita akan mengkaji setiap contoh, Dulu kita mampu, keluarkan kain *lima belas ribu* [15000] pasang sebulan, sekarang kita hanya keluarkan *tiga ribu* [3000] pasang sebulan. Kerana kenaikan *US Dollar* [matawang Amerika] akan mempengaruhi jumlah jualan. Untuk mengekalkan keuntungan, kita mesti--- banyak kita keluarkan barang-barang yang mahal, untuk menstabilkan keuntungan kita.

(berhenti sekejap untuk menjawab panggilan telefon)

Rokiah : **Encik Suhaimi, seperti yang kita semua tahu, Erra Fazira ialah Duta Desa Murni Batik, Siapakah yang memilih Erra Fazira sebagai duta?**

Encik Suhaimi : Saya sendiri yang memilih lah sebab saya nampak, kebanyakan pemakai batik, mesti orang *tiga puluhan* [30-an] ke atas, jarang orang *dua puluhan* [20-an] hingga *dua puluh lima an* [25-an] meminati batik. Kalau saya memilih model yang *dua puluhan* [20-an], nak bawak *tu* [itu], saya rasa dia macam *kekak* [janggal] sikit [sedikit], pasal kebanyakan pembeli-pembeli batik adalah *tiga puluhan* [30-an] keatas. Jadi, setelah saya fikir, buat kajian *sikit* [sedikit], sedikit kajian, *pastu* [selepas itu] saya buat keputusan untuk memilih Erra Fazira.

Rokiah : **Proses pemilihan Erra Fazira tu macam mana? Erra Fazira terus bersetuju atau ambil masa yang lama juga?**

Encik Suhaimi : Saya ada datang ke Kuala Lumpur untuk berbincang dengan Erra Fazira, *pastu* [selepas itu] selepas berbincang, sekali bincang, dia telah bersetuju.

Rokiah : **Artis mempunyai masa yang amat minimum dan banyak kekangan masa. Bagaimana dengan Erra Fazira?**

Encik Suhaimi : Erra Fazira tidak begitu. Dia begitu professional.

Rokiah : **Saya dapat lihat di setiap cawangan yang baru dibuka, Erra Fazira turut ada bagi memeriahkan suasana.**

Encik Suhaimi : *Dia betul-betul profesional Erra, dalam kerja dia [Erra Fazira sangat professional dalam bidang pekerjaannya]*

Rokiah : **Erra Fazira pada mulanya tidak bertudung, Bagaimana Encik Suhaimi boleh membuatkan Erra turut memakai tudung bagi mempromosikan Desa Murni batik?**

Encik Suhaimi : Penting. Pasal dia membawa *image* [gambaran/imej] dan mempromosikan tudung Iffah, bila dia datang ke Terengganu, dia mesti memakai tudung. Di Kelantan *pon* [juga], artis *pon* [juga] bertudung.

Roslina : **Selepas pemilihan Erra Fazira sebagai Duta Desa Murni, penerimaan dan sambutan pelanggan tu bagaimana?**

Encik Suhaimi : Saya rasa *makin* [semakin] meningkat. Dari segi jalan *pon* [juga] ada bertambah. Kita *pon* [juga] ada buat kajian kita mengenai jualan.

Roslina : **Selain cawangan sedia ada, Adakah *request* [permohonan] daripada tempat lain yang untuk membuka cawangan disana.**

Encik Suhaimi : Ada. Dan ada juga bercadang untuk buka di Johor, di Kedah, di

Penang, dan saya rasa belum sampai lagi masanya. Terlampau pantas *pon* [juga] bahaya juga, dalam *bussines* [perniagaan], dia kena *slow* [perlahan] dan tenang.

Roslina : **Sedikit isu menghalu ke masa depan. Apakah yang ingin Encik Suhaimi capai di masa akan datang?**

Encik Suhaimi : Perbanyakkan cawangan *jela* [sahaja]. Tambah cawangan lain.

Roslina : **Bila masanya untuk menambah cawangan dan di mana lagi?**

Encik Suhaimi : Belum *confirm* [pasti] lagi.

Roslina : **Di dalam Terengganu atau di luar Terengganu?**

Encik Suhaimi : Kita cadang, hujung tahun ini kita akan buka di Dungun *satu* [1], di Batu 6 *pon* [juga] kita sedia *dua* [2] dan memperbesarkan kedai, cukup untuk tahun *ni* [ini]. Buat masa *ni* [ini] cukup, kecuali jika ada permintaan.

Roslina : **Itu untuk masa depan. Pada pendapat Encik Suhaimi, kalau *nak* [mahu] jadi pembatik yang berjaya, apakah usaha dan kemahiran untuk menjadi pembatik yang berjaya?**

Encik Suhaimi : Pembatik dan usahawan. Pada saya, kena ada minat, jarang orang muda ada kalau *takde* [tiada] minat, memang susah. Sanggup *ke* [kah] minat, awak tunggu satu hari di kedai tak *laku* [tidak laris],

sanggup ke tunggu jika tidak ada jualan, (gangguan bunyi), jujur, amanah, melawan arus sangat penting, dalam polisi saya la.

Rokiah : **Melawan arus yang bagaimana yang Encik Suhaimi katakan?**

Encik Suhaimi : Kalau orang kata tak [tidak] boleh, kita kata boleh la. Benda yang orang tak [tidak] boleh buat, kita mampu buat.

(gangguan perbualan)

Rokiah : **Encik Suhaimi, macam yang Encik Suhaimi katakan tadi, hanya pelanggan yang berusia kebanyakan *tiga puluhan* [30-an] dan keatas memakai batik. Bagaimana Encik Suhaimi mahu menarik minat golongan muda untuk turut memakai batik. Mungkin dengan memperkenalkan *design* [rekaan] yang *fresh* [segar] untuk golongan muda mudi?**

Encik Suhaimi : Boleh. Sudah cuba buat, *tapi* [tetapi] susah. Pasal apa susah, saya kata, *First* [pertama], orang muda, dia bergantung duit dengan ibu dan bapa dia, batik benda yang mahal, dan dia *pon* [juga] baru dapat kerja, dia *pon tak leh* [juga tiada boleh] gaji jugak. Bila kewangan dia stabil, baru dia *start* [mula] memakai batik.

Rokiah : **Dari segi pemakaian batik oleh golongan *professional* [pakar]. Adakah Encik Suhaimi menyokong tindakan kerajaan membuat pemakaian baju batik pada setiap hari Khamis?**

Encik Suhaimi : Sepatutnya kerajaan buat *dua* [2] kali seminggu, sepatutnya untuk menaikkan industri batik, jika diberi pilihan kepada saya. Saya rasa, sepatutnya, kerajaan sarankan pemakaian *dua* [2] kali seminggu, Bukan sekali seminggu, baru batik akan naik, dan saya rasa, sepatutnya, kerajaan negeri Terengganu, bermula dahulu, untuk menaikkan batik di negeri Terengganu, *ni* [ini] pandangan *personal* [peribadi] saya la.

Rokiah : Macam sebelum ni, Tan Sri Jeane Abdullah, beliau yang memperkenalkan batik ke peringkat *international* [antarabangsa], apa pandangan Encik Suhaimi?

Encik Suhaimi : Bukan dia, *tapi* [tetapi] kerajaan *start* [mula] dengan dia lah yang saya ingat.

Rokiah : Pada waktu tersebut, dimanakah kedudukan Encik Suhaimi? Belum stabil atau sudah stabil?

Encik Suhaimi : *Dah* [sudah] stabil.

Rokiah : Encik Suhaimi, Apa harapan Encik Suhaimi kepada seluruh rakyat negeri Terengganu terhadap pemakaian batik?

Encik Suhaimi : Perbanyakkan memakai batik lah, pada hari-hari biasa.

Rokiah : Apa harapan Encik Suhaimi kepada seluruh rakyat Malaysia

terhadap pemakaian batik?

Encik Suhaimi : Perbanyakkan memakai batik pada hari-hari biasa untuk menaikkan industri batik negara.

Roslina : Sekolah atau organisasi kerajaan, memang akan ada pemakaian batik *certain-certain* [untuk hari tertentu] hari, ada *request* [permintaan] *tak* [tidak] *ambik* [ambil] batik dari sini?

Encik Suhaimi : Ada. Disini banyak, *empat puluh percent* [40%] market disini adalah untuk seragam.

Roslina : Satu *design* [rekaan] untuk satu. Bagaimana dengan corak yang seragam?

Encik Suhaimi : Kalau untuk seragam, seragam la, kalau untuk satu memang hanya satu la. *Dia tak sama* [ianya berbeza].

Rokiah : Untuk yang terakhir kalinya, apakah pesanan dan harapan Encik Suhaimi untuk pembaca transkrip ini nanti?

Encik Suhaimi : Untuk menjadi usahawan yang berjaya, apa yang perlu ada dalam diri kita semua ialah disiplin yang tinggi, jujur, amanah, hormati pelanggan dan lain-lain.

Rokiah : Sampai di sini sajalah wawancara kita untuk hari ini. Kami berbesar hati atas kesudian Encik Suhaimi menerima

wawancara kami dan kami berbesar hati, dan berbangga dapat duduk di sebelah Encik Suhaimi. Terima kasih *sangat-sangat* [tidak terhingga] kerana sudi berkongsi ilmu dan pengalaman.

TAMAT

SENARAI SOALAN

Senarai soalan

1. Apakah nama penuh Haji Suhaimi mengikut kad pengenalan Haji Suhaimi?
2. Apakah nama panggilan yang biasa digunakan oleh ahli keluarga atau rakan-rakan Haji Suhaimi?
3. Bila dan dimanakah Haji Suhaimi dilahirkan?
4. Dimanakah Haji Suhaimi menetap sekarang?
5. Dimanakah negeri asal Haji Suhaimi?
6. Apakah nama penuh ibu dan bapa Haji Suhaimi?
7. Adakah mereka masih hidup?
8. Mereka berasal dari mana?
9. Berapakah bilangan adik beradik Haji Suhaimi dan Haji Suhaimi anak yang keberapa?
10. Bolehkah Haji Suhaimi memberitahu nama adikberadik Haji Suhaimi mengikut urutan?
11. Adakah Haji Suhaimi sudah berkahwin?
12. Bilakah tarikh perkahwinan Haji Suhaimi?
13. Apakah nama penuh isteri Haji Suhaimi?
14. Apakah pekerjaan isteri Haji Suhaimi?
15. Bagaimanakah Haji Suhaimi mengenali isteri Haji Suhaimi?
16. Berapakah bilangan anak Haji Suhaimi?
17. Apakah nama anak dan umur anak Haji Suhaimi sekarang?
18. Apakah pekerjaan anak-anak Haji Suhaimi?
19. Adakah anak Haji Suhaimi telah berkahwin?

20. Adakah Haji Suhaimi telah mempunyai cucu?
21. Apakah hobi Haji Suhaimi pada masa lapang?
22. Siapakah idola Haji Suhaimi yang menjadi panduan hidup Haji Suhaimi?
23. Apakah prinsip hidup Haji Suhaimi?
24. Apakah kenangan manis yang pernah dialami oleh Haji Suhaimi?
25. Apakah kenangan pahit yang pernah Haji Suhaimi hadapi?
26. Bilakah Haji Suhaimi bercadang untuk bersara?
27. Apakah perancangan Haji Suhaimi selepas bersara kelak?
28. Bila dan dimanakah Haji Suhaimi mula-mula bersekolah?
29. Adakah Haji Suhaimi memasuki sekolah rendah dan menengah di tempat yang sama?
30. Bagaimanakah pembawaan diri Haji Suhaimi ketika itu?
31. Adakah Haji Suhaimi seorang yang aktif berpersatuan dan kokurikulum sewaktu zaman persekolahan Haji Suhaimi?
32. Bagaimanakah pencapaian Haji Suhaimi dari segi akademik dan kokurikulum selama dalam zaman persekolahan?
33. Bagaimanakah keadaan, suasana, kemudahan dan para guru pada waktu itu?
34. Apakah subjek yang disukai dan tidak disukai ketika itu. Mengapa?
35. Apakah jenis peperiksaan yang diambil pada masa itu?
36. Apakah pengalaman manis dan pahit yang dialami semasa zaman persekolahan Haji Suhaimi?
37. Siapakah teman yang paling diingati pada masa itu?

38. Setelah tamat persekolahan, adakah Haji Suhaimi terus menyambung pelajaran atau bekerja dahulu?
39. Bilakah Haji Suhaimi melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi?
40. Apakah bidang atau kursus yang diambil ketika itu?
41. Apakah pandangan Haji Suhaimi tentang bidang tersebut di luar negara?
42. Bagaimana penerimaan masyarakat terhadap bidang tersebut?
43. Adakah Haji Suhaimi mendapat sokongan keluarga dalam pengambilan bidang tersebut?
44. Selepas itu, adakah Haji Suhaimi menyambung bidang tersebut ke tahap yang lebih tinggi dan dimana?
45. Bagaimanakah pencapaian akademik Haji Suhaimi semasa di universiti?
46. Bolehkah Haji Suhaimi memberikansedikit tips pembelajaran Haji Suhaimi pada waktu itu?
47. Siapakah teman seperjuangan Haji Suhaimi di universiti dan adakah masih rapat hingga sekarang?
48. Bolehkah Haji Suhaimi menceritakan pengalaman hidup Haji Suhaimi sebelum menjadi pemilik Desa Murni Batik?
49. Apakah yang menarik minat Haji Suhaimi untuk menjadi seorang pembuat batik?
50. Adakah Haji Suhaimi mendapat sokongan keluarga untuk menjadi pembuat batik?
51. Apakah yang mendorong Haji Suhaimi mejurus dalam bidang pembuatan batik?
52. Adakah Haji Suhaimi menjadi seorang pengusaha batik kerana minat Haji Suhaimi?

53. Bolehkah Haji Suhaimi berkongsi pengalaman pertama menjadi seorang pembuat batik pada ketika itu?
54. Bolehkah Haji Suhaimi ceritakan serba sedikit tentang penglibatan awal Haji Suhaimi dalam bidang pembuatan batik?
55. Sejak bilakah Haji Suhaimi mula aktif menjadi pembuat batik?
56. Siapakah idola Haji Suhaimi dalam bidang pembuatan batik?
57. Bagaimanakah Haji Suhaimi mendapat idea untuk mengembangkan perniagaan batik ini?
58. Berapakah anggaran modal permulaan untuk membuka Desa Murni Batik serta berbaloikah pulangan yang diterima?
59. Bagaimanakah Desa Murni Batik mengekalkan keaslian batik yang dikeluarkan?
60. Selama pembukaan secara rasmi perniagaan ini, Haji Suhaimi sendiri telah berjaya menubuhkan beberapa cawangan. Berapakah jumlah cawangan yang di buka?
61. Selain di kawasan negeri Terengganu, apakah Haji Suhaimi turut membuka cawangan di negeri lain?
62. Sebagai seorang pembuat batik secara besar-besaran, adakah Haji Suhaimi menerima saingan hebat daripada pesaing yang lain?
63. Apakah cabaran yang paling hebat pernah Haji Suhaimi tempuhi sepanjang menjadi seorang pembuat batik?
64. Apakah kemahiran yang perlu Haji Suhaimi pelajari untuk menjadi seorang pembuat batik yang hebat?

65. Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap produk batik yang dikeluarkan oleh syarikat Desa Murni Batik?
66. Apakah pengalaman pahit dan manis Haji Suhaimi yang tidak dapat Haji Suhaimi lupakan sepanjang bergelar sebagai pembuat batik?
67. Apakah kesulitan yang sering Haji Suhaimi alami dalam menjalankan perniagaan ini?
68. Apakah pandangan Haji Suhaimi terhadap pembuatan batik pada zaman dahulu berbanding sekarang?
69. Apakah kunci kejayaan Haji Suhaimi dalam menarik minat para pelanggan untuk memiliki koleksi dari Desa Murni Batik?

71. Selama bergelar sebagai seorang pembuat batik, apakah penglibatan Haji Suhaimi yang paling aktif kini?
72. Apakah pengiktirafan mahupun anugerah yang telah Haji Suhaimi peroleh sepanjang bergelar sebagai pembuat batik?
73. Bila dan dimanakah ia diperolehi?
74. Adakah Haji Suhaimi berpuashati dengan pencapaian Haji Suhaimi selama ini?
75. Apakah perkara yang ingin dicapai Haji Suhaimi pada masa hadapan?
76. Bolehkah Haji Suhaimi terangkan apakah aspek yang diperlukan untuk menjadi seorang pembuat batik yang berjaya?
77. Apakah harapan Haji Suhaimi terhadap dunia pembuatan batik pada masa akan datang?
78. Apa pula harapan Haji Suhaimi kepada seluruh rakyat Terengganu khususnya?
79. Terakhirnya, apakah harapan Haji Suhaimi kepada semua masyarakat di Malaysia terutamanya pembaca transkrip ini mengenai keunikan penggunaan batik?

LOG TEMUBUAL

LOG TEMUBUAL

Roslina Binti Abu Bakar dan Rokiah Binti Ibrahim menemubual Encik Suhaimi Bin Embong yang dilahirkan pada 16 April 1969 di Kampung Pulau Rusa, Terengganu. Temubual tersebut telah dijalankan di Bilik mesyuarat Syarikat Desa Murni Batik. Skop temubual tersebut merangkumi kerjaya beliau sebagai seorang tokoh pembuat dan pegusaha batik bumiputera yang terkemuka di Malaysia.

BAHAGIAN A

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
01:01	Pengenalan mengenai latar belakang tokoh	1) Sekolah Kebangsaan Pulau Rusa 2) Sekolah Menengah Sultan Sulaiman 3) Kampung Pulau Rusa 4) Huntmans Company
03:58	Latar belakang tokoh	1) Mariam binti Yusof 2) Embong bin Su 3) Kampung Pulau Rusa
04.33	Ahli keluarga tokoh	1) Universiti Islam Antarabangsa 2) Saiful Bahari Bin

		Embong, Mohd Fadhil Bin Embong, Nur Aini Binti Embong
06:18	Pasangan dan anak-anak tokoh	1) Fatimah Fathiah Binti Ismail 2) Ahmad Akram Anuar Bin Suhaimi 3) Iman Maisarah Binti Suhaimi 4) Damia Yasmin Binti Suhaimi 5) Qurratul Ain Binti Suhaimi 6) Ahmad Naufal Baihaqi Bin Suhaimi 7) Padang Midin

BAHAGIAN B

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
08:50	Kerjaya tokoh membuat batik terap, batik blok, batik lukis, <i>handprinting</i>	1) Kampung Pulau Rusa

	dan digital.	
10:10	Pereka rekaan batik	2) Universiti Teknologi MARA 3) Universiti Sains Malaysia 4) Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia 5) Universiti Malaysia Terengganu

BAHAGIAN C

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
11:30	Proses pembuatan batik	1) Kilang Desa Murni Batik
14:13	Pengurusan cawangan	1) Para pengurus Desa Murni Batik
14:51	Cawangan pertama Desa Murni Batik	1) Batu Enam
15:04	Pasar tudung	1) Pasar Kuala Berang 2) DM pemborong Kuala Berang 3) Dungun
15:26	Bekerjasama dalam bidang perniagaan	1) Noor Arfa Batik

16:52	Pasaran	<ol style="list-style-type: none"> 1) Brunei Darul Salam 2) Sabah 3) Sarawak
19:32	Pemantauan perniagaan lain	<ol style="list-style-type: none"> 1) Batu Enam 1) Pengadang Baru
20:38	Keaslian batik	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kelantan 2) Terengganu 3) Itali
23:43	Urusan perniagaan dan pembelian barang mentah	<ol style="list-style-type: none"> 1) China 2) Switzerland 3) Huntsman Company
24:59	Idola pembuatan batik	<ol style="list-style-type: none"> 1) Itali
25:51	Ahli keluarga lain dalam bidang perniagaan	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kuala Berang
27:56	Cawangan-cawangan lain	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kuala Terengganu 2) Batu Enam 3) Kuala Berang 4) Pengadang Baru 5) Pulau Rusa 6) Dungun
28:22	Cawangan di luar Terengganu	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kemaman 2) Temerloh 3) Wangsa Walk

		<p>4) Wangsa Maju</p> <p>5) Shah Alam</p> <p>6) Kota Bharu</p> <p>7) KB Mall</p> <p>8) Jalan Sultan Ibrahim</p>
29:28	Pemilihan lokasi dan modal	<p>1) En.Suhaimi Bin Embong</p>
29:39	Persaingan dalam perniagaan	<p>1) Pasar Payang</p>
31:55	Teknologi pembuatan batik Digital	<p>1) Switzerland</p>
32:15	Cabaran paling hebat diterima tokoh membawa masuk teknologi baru.	<p>1) Itali</p>
32:55	Pemasangan mesin berteknologi digital	<p>1) Itali</p> <p>2) Switzerland</p>
34:16	Rakan persekolah sebaya tokoh	<p>1) Kg Pulau Rusa</p>
35:07	Jumlah penduduk dan pelajar yang semakin berkurang	<p>1) SK Pulau Rusa</p>
40:01	Sumbangan tokoh kepada masyarakat	<p>1) PIBG SK Pulau Rusa</p> <p>2) Durian Burung</p>
39:52	Status ekonomi Malaysia	<p>1) Amerika</p>
45:46	Duta Desa Murni Batik	<p>1) Erra Fazira</p> <p>2) Kuala Lumpur</p> <p>3) Terengganu</p>

47:59	Perancangan pembukaan cawangan baru.	1) Johor 2) Kedah 3) Penang
48:33	Pengubahsuaian dan pembesaran kedai	1) Dungun
53:50	Memperkasakan batik di Malaysia	1) Tan Sri Jeane Abdullah

INDEKS

A

Asia Tenggara, 2

B

batik, 1, 2, 11, 13, 14, 15, 16, 17, 20, 22, 23, 24, 25,
26, 27, 30, 32, 33, 34, 37, 38, 39, 47, 50, 51, 53, 54,
55, 60, 61, 62, 63, 65, 66, 67, 68, 69, 70

C

Cabaran, 69
cawangan, 61, 67, 68, 70
China, 28, 46

D

Desa Murni, 1, 2, 13, 16, 17, 18, 19, 21, 22, 23, 24, 26,
28, 50, 51, 60, 61, 62, 65, 67, 69, 75, 79
designer, 12, 16, 26, 28
Digital, 11, 39, 69

E

Erra Fazira, 69

F

fesyen, 30

H

harga, 47, 48
Huntmans, 65

I

idola, 59, 61
Isteri, 7, 9
Itali, 20, 26, 30, 31, 39, 40, 46, 68, 69

J

jualan, 24, 49, 51, 52

K

Kampung Pulau Rusa, 2, 4, 6, 45, 48, 65
keaslian, 61
kemahiran, 52, 61
Kuala Terengganu, 2, 4, 7, 19, 35, 68

L

lukis, 11, 12, 17, 27, 30, 39, 66

M

masalah, 20, 21, 40, 41, 43, 44
modal, 61, 69

P

pelanggan, 3, 40, 51, 53, 55, 62
pengurus, 67
penyelia, 43
permohonan, 51
perniagaan, 20, 23, 36, 37, 41, 45, 46, 49, 51, 61, 62,
67, 68, 69
produk, 16, 21, 24, 28, 37, 47, 62
Proses, 16, 50, 67

R

rekaan, 28, 47, 48, 53, 55, 67

S

Sekolah Kebangsaan Pulau Rusa, 65, 66
SPM, 2, 10
Switzerland, 2, 29, 30, 39, 40, 46, 68, 69

T

teknologi, 16, 26, 39, 40, 41, 69
Terengganu], 2, 6, 34, 35
TRANSKRIP ORAL DOCUMENTATION, 1

RUJUKAN

DESA MURNI BATIK SDN BHD (861481-D). (n.d.). *Desa Murni Batik Sdn Bhd*.

Retrieved December 20, 2013, from <http://www.desamurnibatik.com/>

Huntsman Corporation. (n.d.). *Huntsman Corporation*. Retrieved December 20, 2013,

from <http://www.huntsman.com/corporate/a/Home>

LAMPIRAN



Figure 1 Roslina (kiri) menyampaikan plak penghargaan kepada En.Suhaimi (kanan)



Figure 2 Rokiah (kanan) menyampaikan cendrahati kepada En.Suhaimi (kiri)



Figure 3 semasa sesi temuduga berlangsung



Figure 4 Selepas sesi temuduga berlangsung



Figure 5 Sebahagian koleksi Desa Murni Batik



Figure 6 Gambar keluarga En.Suhaimi



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan

Pada

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (interviewee)

Dr.. Hj. Ghazali Bin Osman Ketua
Pusat Pengajian Pengurusan
Maklumat, Sains Pentadbiran
& Pengajian Polisi Dan Pengajian
Undang-Undang UiTM Cawangan
Kelantan.